



## LAMPIRAN A

### PERATURAN-PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI OLEH PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DI KEJORA

#### 1. Permohonan

- 1.1 Semua permohonan menjalani Latihan Industri adalah melalui **Sistem Pengurusan Latihan Industri (SPLI) KEJORA** yang boleh diakses melalui pautan <http://spli.kejora.gov.my>. Sebarang bentuk permohonan melalui surat tidak akan diproses;
- 1.2 Semua permohonan perlulah sekurang-kurangnya dua (2) bulan dari tarikh menjalani Latihan Industri di KEJORA. Segala permohonan yang kurang daripada tempoh tersebut tidak akan dijana oleh sistem SPLI;
- 1.3 Permohonan yang telah diterima/diluluskan perlulah mencetak **Surat Setuju Terima** beserta dokumen lain yang berkaitan semasa melaporkan diri;
- 1.4 Bagi pemohon yang ingin membuat **Pembatalan Penempatan** perlulah mengemaskini permohonan secara atas talian melalui Sistem SPLI. Sebarang bentuk permohonan penempatan semula Latihan Industri tidak akan diproses;

#### 2. Bayaran Elaun Dan Peralatan

- 2.1 Kadar maksimum bayaran elaun pelajar yang menjalani latihan amali/praktikal adalah sebanyak **RM300.00 sebulan (RM15.00 sehari)**;
- 2.2 Pembayaran elaun juga adalah terhad kepada **maksimum 3 bulan** sahaja dari tarikh pelajar melapor diri;
- 2.3 Pelajar tidak layak mendapat sebarang elaun perubatan dan kemudahan yang layak diterima oleh pegawai KEJORA;
- 2.4 Pelajar tidak layak dibayar elaun lebih masa; dan
- 2.5 Pelajar juga dicadangkan untuk membawa kemudahan peralatan seperti komputer riba untuk kegunaan harian.

### 3. Kehadiran

- 3.1 Pelajar Praktikal hendaklah hadir bertugas pada setiap hari bekerja mengikut masa yang ditetapkan. Hari bekerja adalah bermula dari Isnin hingga Jumaat. **Waktu bekerja adalah bermula jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang..**

Nota: Adalah diingatkan tindakan akan diambil kepada pelajar yang hadir lewat lebih dari tiga kali dalam sebulan.

### 4. Cuti

- 4.1 Pelajar Praktikal tiada kelayakan memohon cuti rehat. Walau bagaimanapun, sebarang cuti yang benar-benar diperlukan perlulah terlebih dahulu mendapat kelulusan Penyelia dan Ketua Jabatan;
- 4.2 Pelajar Praktikal diminta memaklumkan dengan segera kepada Penyelia sekiranya berlakunya kecemasan dan mendapatkan surat kebenaran cuti dari jabatan;
- 4.3 Pelajar Praktikal yang bercuti tanpa kelulusan/pengetahuan jabatan dianggap telah melanggar peraturan organisasi dan akan dilaporkan kepada pihak Institusi Pendidikan untuk tindakan;
- 4.4 Pelajar hanya boleh memohon cuti kecemasan maksimum tiga (3) hari sahaja. Namun, permohonan cuti melebihi had yang ditetapkan adalah tertakluk kepada budi bicara Penyelia dan Ketua Jabatan;

### 5. Tanda Nama

- 5.1 Pelajar Praktikal dikehendaki sentiasa memakai tanda nama yang diberikan sepanjang tempoh menjalani latihan industri di jabatan ini.

### 6. Etika berpakaian

- 6.1 Pakaian bagi **Pelajar Praktikal Lelaki** adalah sebagaimana berikut:
- i. Baju kemeja lengan panjang /Baju Melayu (Hari Jumaat);
  - ii. Tali leher;
  - iii. Seluar slack panjang berwarna hitam/biru gelap; dan
  - iv. Kasut bertutup.



6.2 Pakaian bagi **Pelajar Praktikal Wanita** adalah sebagaimana berikut:

- i. Baju kurung @ Baju kebaya longgar;
- ii. Pakaian hendaklah tidak menjolok mata;
- iii. Bertudung; dan
- iv. Kasut bertutup.

6.3 Pelajar Praktikal adalah ditegah sama sekali daripada memakai 'jeans' atau seluar pendek serta memakai selipar semasa bekerja;

## 7. Tatakelakuan dan Integriti

7.1 Pelajar Praktikal dikehendaki mematuhi arahan organisasi dari masa ke semasa sepanjang menjalani Latihan Industri di jabatan ini;

7.2 Setiap Pelajar Praktikal hendaklah mempunyai integriti dan kawalan diri yang tinggi;

## 8. Lawatan Penyelia/Pensyarah

8.1 Pelajar Praktikal perlulah memaklumkan kepada Penyelia di Bahagian/Unit dan Urusetia sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh lawatan Penyelia/Pensyarah ke KEJORA;

## 9. Pertanyaan

9.1 Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

**Unit Kualiti, Latihan Dan Kompetensi,  
Bahagian Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia**

BIL.	NAMA	JAWATAN	NO TELEFON	EMEL
1	Encik Mohammad Nur Akmal Bin Md Sahlan	Penolong Pengurus	07-8843053	akmal@kejora.gov.my
2	Encik Muhammad Syazwan Bin Sabarudin	Penolong Pegawai Tadbir	07-8843150	syazwan@kejora.gov.my
3	Encik Mohamad Azri Bin Mohamad Bakri	Pembantu Tadbir (P/O)	07-8843139	azri@kejora.gov.my

